

SYARAT-SYARAT TAWARAN TENDER

PESAMA TIMBER CORPORATION SDN BHD (PESAMA)

Kawasan Perindustrian Jakar, 24000 Kemaman, Terengganu Darul Iman

Tel : 09-859 1122 Fax : 09-859 4544 Website:www.pesama.com.my

KENYATAAN TAWARAN TENDER/SEBUTHARGA MEMBELI KAYU BALAK BULAT DI ATAS MATAU LORI KOMPLEKS PERKAYUAN DUNGUN (DTC) - BIL 01/2024

1. Pihak PESAMA berhasrat untuk mempelawa syarikat-syarikat sendirian berhad/ berhad/perniagaan perseorangan/perkongsian dalam Semenanjung Malaysia untuk memasuki tender/sebutharga tersebut di atas.
2. Keterangan mengenai tawaran tender/ sebutharga membeli kayu balak matau lori adalah seperti berikut :

Bil	Jenis	Bil Tual	Ton
1	Bintangor	2	0.877
2	Cengal	67	100.341
3	Damar Hitam	5	9.015
4	Durian	2	1.367
5	Geronggang	1	0.685
6	Kedondong	1	0.564
7	Kekatong	5	7.001
8	Kulim	9	6.231
9	Kelat	12	8.253
10	Meranti Kepong	11	13.879
11	Kempas	22	29.192
12	Kembang Semangkuk	3	2.157
13	Meranti Lenggong	4	4.079
14	Merbatu	2	1.173
15	Membatu	6	5.940
16	Medang	5	4.757
17	Melunak	3	3.256
18	Melantai	10	12.227
19	Merpauh	1	2.033
20	Merbau	3	2.822
21	Merawan	3	1.992
22	Meranti Sarang Merah	1	0.526
23	Meranti Sarang Punai	17	15.621
24	Mersawa	3	2.921
25	Nyatoh	14	12.549
26	Penarahan	3	1.671
27	Perah	1	0.944
28	Simpoh	1	0.860
29	Meranti Tembaga	81	81.214
		298	334.147

3. Tawaran Tender ini adalah berdasarkan '**AS IS WHERE IS BASIS**'.
4. Lawatan Tapak adalah ditetapkan pada hari **Rabu, 24 April 2024 jam 10.00 pagi**, tempat berkumpul di hadapan Pejabat Pesaka Terengganu Berhad, Bukit Besi, Terengganu.
5. **Memandangkan senarai balak-balak di Lampiran dan fizikal balak di atas matau lori kemungkinan terdapat perbezaan. Oleh itu, penender dinasihatkan terlebih dahulu membuat semakan dan penafsiran sendiri bagi memastikan bilangan, jenis, jumlah tan/ispadu, kecacatan dan mempunyai LogTag ke atas kayu-kayu balak yang terkandung di atas matau berkenaan. Tuntutan gantirugi berhubung perbezaan ini tidak akan dilayan.**
6. Senarai balak adalah sebagaimana Lampiran yang dikepalkan bersama borang tender.
7. Harga tender adalah mengikut spesis iaitu petender menender spesis-spesis balak seperti yang disenaraikan dan harga tender termasuk cukai balak manakala kos log loader dan kos pengangkutan keluar adalah tanggungjawab petender yang berjaya.
8. Tawaran yang dihantar oleh setiap petender itu adalah dianggap sebagai menerima syarat-syarat tawaran ini dan lain-lain peraturan dan syarat yang termaktub berkuatkuasa oleh PESAMA dan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu.
9. Mana-mana petender setelah disahkan mengemukakan maklumat palsu dalam Borang Tawaran Tender, tawaran tersebut boleh dibatalkan dan seterusnya penender akan disenarai hitamkan dengan tidak dibenarkan memasuki sebarang tawaran tender yang dikeluarkan oleh PESAMA.
10. Borang tender yang telah disempurnakan hendaklah dihantar dalam sampul surat yang dimeteri dengan kemas dan dialamatkan kepada :-

Pesama Timber Corporation Sdn. Bhd. Kawasan Perindustrian Jakar, 24000 Kemaman, Terengganu No Tel : 09-859 1122 No Fax : 09-859 4544

Dengan mencatatkan kenyataan pada penjurus sebelah kiri bahagian atas sampul surat seperti berikut :

“TENDER BIL 01/2024”

11. Borang Tawaran Tender hendaklah dimasukkan ke dalam kotak tender yang disediakan di **Pejabat Pesaka Terengganu Berhad**. Kotak tender akan ditutup pada hari **28HB APRIL 2024 (AHAD) JAM 12.00 TENGAHARI**. Tawaran yang lewat tidak akan diterima.
12. Petender yang gagal akan dimaklumkan dengan surat rasmi tanpa menjelaskan apa-apa sebab kegagalan tender petender.

13. Petender yang berjaya perlu menjelaskan kesemua bayaran-bayaran yang perlu dijelaskan sepertimana harga yang ditawarkan di dalam tempoh **Tujuh Hari (7 hari)** daripada surat kelulusan tawaran dikeluarkan kepadanya sebelum dibenarkan mengambil balak. Kegagalan untuk berbuat demikian membolehkan pihak **PESAMA** membatalkan kelulusan termasuk merampas bayaran-bayaran yang telah dijelaskan sebelumnya (jika ada) oleh petender.
14. Petender yang berjaya hendaklah memaklumkan kepada pihak syarikat jadual pengambilan balak.
15. Petender yang berjaya diberi tempoh selama Dua Minggu (**14 hari**) dari tarikh keputusan tender diumumkan untuk mengambil kesemua balak-balak yang telah berjaya ditender. Jika didapati masih berbaki selepas tempoh tersebut, pihak PESAMA tidak bertanggungjawab ke atas perkara tersebut.
16. PESAMA tidak terikat untuk menerima tawaran tender yang tertinggi atau mana-mana tawaran yang diterima atau berhak membatalkan tawaran tender atau berhak membuat tawaran semula di atas sebab-sebab tertentu.
17. Segala keputusan Jawatankuasa Tender syarikat adalah muktamad.

Pesama Timber Corporation Sdn. Bhd.

Bertarikh : 21hb April 2024